



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986
DR.34/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memotong takrif bagi “crude cocaine”. Pindaan seksyen 2. Akta 234.
3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “of ten thousand ringgit” dengan perkataan-perkataan “not exceeding twenty thousand ringgit”. Pindaan seksyen 6.
4. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “ten thousand ringgit” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “twenty thousand ringgit”. Pindaan seksyen 9.
5. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan seksyen 37.
 - (a) dengan memotong perkataan “or” dalam subperenggan (vii) perenggan (da); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (viii) perenggan (da) subperenggan (ix) dan (x) yang berikut:

“(ix) 40 grammes or more in weight of cocaine; or

(x) 2,000 grammes or more in weight of coca leaves.”.

Pindaan
seksyen 39A.

6. Seksyen 39A Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan peruntukan-peruntukan yang terdapat sekarang sebagai subseksyen (2) dan memasukkan subseksyen (1) yang berikut:

“(1) Every person found guilty of an offence against this Act where the subject matter of the offence is—

(a) 2 grammes or more but less than 5 grammes in weight of heroin;

(b) 2 grammes or more but less than 5 grammes in weight of morphine;

(c) 2 grammes or more but less than 5 grammes in weight of monoacetylmorphines;

(d) a total of 2 grammes or more but less than 5 grammes in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 2 grammes or more but less than 5 grammes in weight of any two of the said dangerous drugs;

(e) 5 grammes or more but less than 15 grammes in weight of cocaine;

(f) 20 grammes or more but less than 50 grammes in weight of cannabis;

(g) 20 grammes or more but less than 50 grammes in weight of cannabis resin;

(h) a total of 20 grammes or more but less than 50 grammes in weight of cannabis and cannabis resin;

- (i) 100 grammes or more but less than 250 grammes in weight of raw opium;
- (j) 100 grammes or more but less than 250 grammes in weight of prepared opium;
- (k) a total of 100 grammes or more but less than 250 grammes in weight of raw opium and prepared opium: or
- (l) 250 grammes or more but less than 750 grammes in weight of coca leaves,

shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for a term which shall not be less than two years but shall not exceed five years, and he shall also be punished with whipping of not less than three strokes but not more than nine strokes.”;

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (d) subseksyen (2) perenggan (e), (f), (g) dan (h) yang berikut:

“(e) 15 grammes or more in weight of cocaine;

(f) 50 grammes or more in weight of cannabis;

(g) 50 grammes or more in weight of cannabis resin;

(h) a total of 50 grammes or more in weight of cannabis and cannabis resin;”;

- (c) dengan memotong perkataan “or” di hujung perenggan (f) yang terdapat sekarang dalam subseksyen (2);

- (d) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (g) yang terdapat sekarang dalam subseksyen (2) dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas koma bernoktah itu perkataan “or”;

(e) dengan menomborkan semula perenggan (e), (f) dan (g) yang terdapat sekarang dalam subseksyen (2) masing-masingnya sebagai perenggan (i), (j) dan (k);

(f) dengan memasukkan selepas perenggan (k) subseksyen (2) perenggan (l) yang berikut:

“(l) 750 grammes or more in weight of coca leaves,”;

(g) dengan menggantikan perkataan-perkataan “six strokes” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “ten strokes”; dan

(h) dengan menggantikan nota birai dengan perkataan-perkataan “Increased penalty where the subject matter is the prescribed amount of certain dangerous drugs.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (kecuali *fasal 2*) bertujuan meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. *Fasal 2* bertujuan memotong takrif bagi “crude cocaine” kerana istilah itu tidak terdapat dalam Akta itu.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 6 Akta itu untuk meningkatkan daripada \$10,000.00 kepada \$20,000.00 denda maksimum kerana memiliki secara menyalahi undang-undang candu mentah, daun koka, jerami popi atau kanabis.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 9 Akta itu untuk meningkatkan daripada \$10,000.00 kepada \$20,000.00 denda kerana mengimport, mengeksport, memiliki, mengilang, menjual atau meniaga candu masak (yang mana menurut seksyen 8 adalah merangkumi kanabis dan resin kanabis).

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 37 Akta itu untuk membawa ke dalam liputan anggapan (presumption) tentang mengedar (yang mana penaltinya ialah hukuman mati di bawah seksyen 39B) pemilikan 40 gram atau lebih kokain atau 2,000 gram atau lebih daun koka.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 39A Akta itu untuk meningkatkan daripada enam kepada sepuluh kali hukuman sebat mandatori yang ditetapkan oleh seksyen itu bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta itu di mana hal-perkaranya ialah sesuatu dadah berbahaya sebanyak amaun yang ditetapkan tetapi kesalahan itu tidak boleh dihukum mati di bawah seksyen 39B, dan untuk memasukkan ke dalam lingkungan seksyen 39A itu kes-kes di mana hal-perkaranya ialah 15 gram atau lebih kokain, atau 50 gram atau lebih kanabis dan resin kanabis sama ada berasingan atau bersekali, atau 750 gram atau lebih daun koka (*fasal 6 (b) dan (f)*). Ia juga bertujuan memasukkan subseksyen (1) baru yang menetapkan tempoh penjara mandatori selama dua hingga lima tahun dan hukuman sebat mandatori sebanyak tiga hingga sembilan kali bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta itu di mana hal-perkaranya ialah amaun yang ditetapkan (kurang daripada yang ditetapkan bagi penalti mandatori sekarang ini di bawah seksyen 39A) bagi dadah-dadah berbahaya yang tertentu (*fasal 6 (a)*). Dengan kemasukan subseksyen (1) yang baru itu, peruntukan-peruntukan seksyen 39A yang terdapat sekarang dinomborkan sebagai subseksyen (2).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 1407.]